

Penjawat awam terlibat aktiviti songsang boleh dibuang kerja

PUTRAJAYA: Mana-mana penjawat awam yang disyaki terlibat dalam aktiviti songsang susulan serbuan pihak berkuasa di sebuah pusat sauna minggu lalu, bakal berdepan tindakan buang kerja atau turun pangkat jika disabit bersalah.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz berkata, unit integriti di setiap kementerian dan agensi boleh meneruskan siasatan dalaman terhadap mana-mana pegawai awam yang disyaki terbabit dalam salah laku tidak bermoral itu.

Katanya, tindakan tegas boleh dikenakan sekiranya pegawai awam terbabit didapati bersalah menerusi Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

“Semua penjawat awam tertakluk kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 khususnya perenggan 4 (2) (d) yang menetapkan bahawa seseorang pegawai tidak boleh berkelakuan dengan sedemikian cara sehing-

ga memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam.

“Kerajaan mempunyai garis panduan bagi menangani permasalahan berkaitan tatakelakuan dalam kalangan pegawai awam seperti Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

“Melalui peruntukan itu, pegawai boleh dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat sekiranya sabit kesalahannya,” katanya.

Sebelum ini, sebuah pusat spa dan kesihatan di Chow Kit, Kuala Lumpur yang disyaki menjadi tempat lelaki songsang berkumpul diserbu pihak berkuasa.

Dalam operasi itu, seramai 201 individu ditahan termasuk 17 penjawat awam.

Wan Ahmad Dahlan berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memandang serius salah laku jenayah atau pelanggaran tatakelakuan membabitkan penjawat awam termasuk dalam kegiatan tidak bermoral

atau ‘hubungan songsang’.

“JPA berpegang teguh kepada prinsip kedaulatan undang-undang. Sebarang tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa seperti polis atau pihak berkuasa agama akan diserahkan sepenuhnya untuk dijalankan siasatan terperinci.

“Sebarang tingkah laku yang terbukti mencemarkan nama baik perkhidmatan awam adalah suatu pelanggaran integriti dan tatakelakuan yang serius,” katanya.

Beliau berkata, insiden terbabit adalah kes terpencil dan tidak mencerminkan keperibadian majoriti penjawat awam.

“Oleh itu, bagi mengukuhkan integriti dan memastikan kejadian sebegini tidak berulang, ketua jabatan diarah untuk memantau gaya hidup dan tingkah laku pegawai seliaan.

“Penerapan nilai murni melalui unit integriti di setiap kementerian, jabatan perlu dipergiatkan, termasuk saringan psikologi dan sahsiah secara berkala,” katanya.